

DAP gesa Najib pecat pengurusan tertinggi 1MDB
Malaysian Insider
Oct 30, 2014
OLEH DIYANA IBRAHIM

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak perlu memecat bukan sahaja Pengerusi 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tetapi juga pengurusan tertinggi badan itu, kata Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua hari ini.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara itu berkata pemecatan itu perlu dilakukan ekoran pendedahan ketidakcekapan pembayaran komisyen sebanyak RM1.54 bilion kepada firma pelaburan Goldman Sachman.

"Adalah amat tidak masuk akal apabila 1MDB membayar 10% atau RM1.54 bilion sebagai pulangan pinjaman dalam tempoh 10 tahun dengan peningkatan nilai RM15.2 bilion pada Mei 2012 dan Mac 2013 oleh Goldman Sachs.

"10% daripada RM1.54 bilion itu merupakan jumlah yang terlalu tinggi kerana yuran pelaburan perbankan amat jarang sekali melebihi 2%," katanya.

"Takkanlah 1MDB terlalu bodoh untuk membayar kadar yang sangat tinggi kepada firma pelaburan itu," katanya.

Pua berkata, bayaran komisyen berkenaan adalah untuk penganjuran majlis kutipan derma pada 2012 dan 2013.

Beliau merujuk kepada satu laporan akhbar The Edge, berhubung wang komisyen bernilai 10% daripada RM15.2 bilion yang berjaya dikumpul dalam majlis amal itu.

"Dalam laporan itu menyatakan bank tersebut enggan menjelaskan yuran, komisen dan perbelanjaan yang dibayar 1MDB di mana ia lebih tinggi daripada kebiasaannya.

"Seperti contoh, majlis kutipan amal lain seperti Equisar International Inc, Apple Ind dan kerajaan Mexico di mana Goldman Sachs mendedahkan yuran dan perbelanjaan yang dikenakan hanya 1.3%, 0.3% dan 0.2%," katanya.

Katanya, 1MDB diuruskan pihak yang tidak tahu menjalankan syarikat mereka.

Beliau meskipun mengutuk Goldman sachs yang enggan mendedahkan alasan meminta yuran terlalu tinggi, bagaimanapun berkata kesalahan juga harus diletakkan kepada 1MDB kerana tetap meneruskan tindakan itu. – 30 Oktober, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-najib-pecat-pengurus-tertingi-1mdb>